

# Dr. Daing Nasir azam terus bawa kecemerlangan UMP

UM (1/1/10) Kelu 3/4/17 m176

KUANTAN 2 April - Prof. Datuk Dr. Daing Nasir Ibrahim dilantik semula sebagai Naib Canselor Universiti Malaysia Pahang (UMP) untuk tempoh dua tahun lagi berkuat kuasa pada 16 Mei ini selepas kali pertama menerajui universiti tersebut lima tahun lalu.

Beliau merupakan Naib Canselor ketiga yang menerajui UMP selepas Prof. Datuk Dr. Abu Azam Mohd. Yassin dan Prof. Datuk Dr. Mohamed Said Mat Lela.

Berkelulusan Ijazah Doktor Falsafah (PhD) daripada Universiti of Dundee, United Kingdom, Daing Nasir pernah berkhidmat di Universiti Sains Malaysia (USM) dan diberi mandat memegang beberapa jawatan utama di universiti tersebut.

Antaranya, bergelar dekan selama 10 tahun di Fakulti Pengurusan serta pernah menjadi Pengarah Pusat Pengurusan Termaju USM.

Daing Nasir berkata, dalam menerajui UMP beliau sentiasa menggalakkan pentadbiran berasaskan nilai, berfokuskan strategi dan mengutamakan prestasi selain menekankan agenda memperkukuh-

kan asas demi menjana kecemerlangan universiti.

"Saya yakin dengan perkembangan UMP dan akan terus berazam di atas kepercayaan yang diberikan untuk terus membawa institusi ini ke arah kecemerlangan selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) dan Pelan Strategik UMP 2011- 2015," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Berpengalaman luas dalam bidang Pengurusan, Perakaunan, Tadbir urus korporat dan metodologi penyelidikan, beliau banyak menerima pengiktirafan termasuk daripada *Academy for Global Business Advancement (AGBA) Life-time Achievement Award 2010* dalam Kongres Antarabangsa AGBA kali ketiga dan anugerah AGBA Fellow Kongres ke sembilan yang diadakan di Ajman University of Science and Technology, Emiriyah Arab Bersatu, tahun lalu.

Beliau kini dilantik sebagai Profesor Tamu di Hebei University, China dan pernah berkhidmat sebagai Profesor. Tamu di Kolej Pengurusan Perindustrian, Universiti Petroleum dan Mineral Raja Fahd, Arab Saudi